

## **SELEPAS SEMUA RAKYAT MALAYSIA YANG KANDAS SELAMAT KELUAR**

# **KL tetap kenakan sekatan ekonomi pada Iraq – PM**

**K**UALA LUMPUR 12 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tetap akan mengenakan sekatan ekonomi terhadap Iraq di atas tindakannya mencerooboh Kuwait.

Bagaimanapun kata Perdana Menteri, sekatan itu akan dikenakan sebaik sahaja semua rakyat Malaysia yang terkandas di Kuwait dan Iraq — selamat keluar.

"Ya, sekatan ekonomi tetap akan dikenakan," katanya semasa menjawab soalan pemberita selepas menghadiri Hari Keluarga dan Jogaton, Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa ditanya apakah negara ini akan menyertai masyarakat antarabangsa lain mengenakan sekatan ekonomi terhadap Iraq.

Berikutan tindakan Iraq menawan Kuwait baru-baru ini, Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengarahkan semua anggota pertubuhan itu supaya menghentikan dagangan dengan Iraq untuk memaksa Presiden Saddam Hussein mengundurkan tenteranya dari Kuwait.

### **Lulus usul**

Majlis 15 anggota itu mengundi 13-0 untuk meluluskan usul yang ditaja oleh Amerika Syarikat supaya diadakan sekatan tersebut bertujuan memutuskan eksport minyak Iraq dan pembekalan senjata.

Usul tersebut juga telah disokong oleh Malaysia di mana Ketua Setiausaha, Kementerian Luar, Dato' Ahmad Kamil Jaafar dalam sidang akhbarinya di sini berkata, Malaysia berpegang teguh dan mendokong prinsip tidak campurtangan dan menentang sebarang pencerobohan seperti itu.

Menyentuh mengenai jaminannya hendak bercakap dengan Presiden Saddam Hussein dalam usaha membawa keluar rakyat Malaysia, yang terkandas di Kuwait dan Iraq berikutan pergolakan yang berlaku di kedua negara itu, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata:

"Pada masa ini, saya belum lagi dapat berhubung dengan negara itu untuk mengetahui nasib rakyat kita di sana."

"Bukan mudah hendak menghubungi kerana mereka (kerajaan Iraq) mempunyai banyak urusan, bagaimanapun kita akan cuba sedaya upaya," katanya.

Ditanya apakah kerajaan juga akan membantu mengeluarkan lapan rakyat Singapura yang terkandas di Kuwait, dipercayai berada di Kedutaan Malaysia di negara itu bersama-sama kira-kira 300 rakyat Malaysia beliau berkata:

"Kita juga akan tolong mengeluarkan mereka."

Sementara itu, ketika berkunjung ke upacara Hari Keluarga JPM, Dato' Sri Dr. Mahathir yang diiringi oleh isterinya, Dato' Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah telah melawat ke gerai-gerai makanan serta menjamu selera di salah sebuah gerai di situ.

Perdana Menteri dan isterinya juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang dalam berbagai acara sukan, kebudayaan dan pertandingan gerai.